

PERATURAN-PERATURAN KEJOHANAN AKUATIK MSSPP

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN:

- 1.1 Kejohanan ini dijalankan mengikut undang-undang antarabangsa (FINA) dan Peraturan-Peraturan Am MSSM dan MSSPP.
- 1.2 Pertandingan Polo Air mengikut undang-undang FINA dan Peraturan Am(9.2) MSSM untuk Polo Air
- 1.3 Pertandingan terjun mengikut undang-undang FINA dan Peraturan Pertandingan MSSM
- 1.4 Istilah 'pertandingan' yang digunakan juga bermaksud 'kejohanan'.
- 1.5 Perkumpulan atlet hendaklah selaras dengan kumpulan umur, atas kelas yang ditetapkan untuk pertandingan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) selain daripada yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi MSSPP.

2. JENIS PERTANDINGAN:

- 2.1 Kejohanan perseorangan dan berpasukan antara sekolah-sekolah bagi Acara Renang.

BIL	ACARA	LALAKI:UMUR BAWAH				PEREMPUAN:UMUR BAWAH			
		18	15	12	10	18	15	12	10
1.	GAYA BEBAS								
	50 M	X	X	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X	X		X	X	X	
	400 M	TERBUKA				TERBUKA			
	800 M								
	1500M								
2.	GAYA LENTANG								
	50 M	X	X	X	X	X	X	X	X
	100M	X	X	X		X	X	X	
	200M	X	X			X	X		
3.	GAYA DADA								
	50 M	X	X	X	X	X	X	X	X
	100M	X	X	X	X	X	X	X	X
	200M	X	X			X	X		
4.	GAYA KUPU-KUPU								
	50 M	X	X	X	X	X	X	X	X
	100M	X	X	X		X	X	X	
	200M	X	X			X	X		
5.	CAMPURAN PERSEORANGAN								
	200M	X	X	X		X	X	X	
	400M	TERBUKA				TERBUKA			
6.	CAMPURAN BERGANTI-GANTI								
	4 X 50 M			X	X			X	X
	4 X 100 M	X	X			X	X		
7.	GAYA BEBAS BERGANTI-GANTI								
	4 X 50 M			X	X			X	X
	4 X 100 M	X	X			X	X		
	JUMLAH	15	15	12	8	15	15	12	8

Jumlah Besar: 106 acara (100 acara mengikut kumpulan umur dan 6 acara terbuka)

3. KUMPULAN UMUR:

Umur pada 1 Januari diambilkira

3.1 SEKOLAH MENENGAH	KELAS 1	18 TAHUN KE BAWAH	1.1.94 – 31.13-96
	KELAS 2	15 TAHUN KE BAWAH	1.1.97 – 31.12-99
3.2 SEKOLAH RENDAH	KELAS 3	12 TAHUN KE BAWAH	1.1.00 – 31.12.01
	KELAS 4	10 TAHUN KE BAWAH	2002 & ke bawah

4. YURAN PENYERTAAN:

- 4.1 ACARA PERSEORANGAN : RM 1.00 bagi setiap penyertaan
- 4.2 ACARA BERPASUKAN : RM 5.00 bagi setiap penyertaan
- 4.3 POLO AIR : RM 13.00 bagi setiap pasukan
- 4.4 Semua bayaran yuran dengan cek atau tunai di atas nama:

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang.

Yuran ialah untuk seorang atlit bagi setiap acara yang disertai.

5. KELAYAKAN PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

5.1 RENANG

- 5.1.1 Murid -murid yang bersekolah sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta dan sekolah agensi kerajaan lain adalah layak menyertai pertandingan / kejohanan.
- 5.1.2 Sekolah Swasta / Sekolah Agensi Kerajaan lain yang dibenarkan bermaksud sekolah yang diluluskan pendaftaran oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan bergabung serta membayar sumbangan penuh (mengikut enrolmen penuh sekolah) dengan Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang.
- 5.1.3 Murid Sekolah Swasta perlu menunjukkan bukti ia sedang belajar sepenuh masa di sekolah berkenaan supaya layak bertanding dalam pertandingan / kejohanan.
- 5.1.4 Murid yang berumur lebih daripada 18 tahun tetapi kurang daripada 21 tahun boleh mengambil bahagian di peringkat sekolah, daerah dan negeri sahaja.
- 5.1.5 Murid-murid Sekolah Swasta lepasan Tingkatan Lima yang menyambung pelajaran di Tingkatan Enam Rendah atau setara (Senior Middle Three) layak menyertai pertandingan /kejohanan MSSM dengan syarat murid ini berdaftar untuk Tingkatan 6 dan hanya menjadi murid Tingkatan 6 Bawah mengikut tarikh pendaftaran untuk murid Tingkatan 6 Bawah di sekolah Kerajaan.
- 5.1.6 Penyertaan murid adalah tertakluk kepada had umur peserta. (Peraturan No. 4 dalam Peraturan - Peraturan MSSM)
- 5.1.7 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftarkan 3 orang perenang sahaja dalam satu acara termasuk acara-acara terbuka.
- 5.1.8 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftarkan 1 pasukan sahaja dalam tiap-tiap acara berganti-ganti.
- 5.1.9 Seorang perenang dibenarkan menyertai 6 acara perseorangan sahaja tidak termasuk acara-acara Terbuka.
- 5.1.10 Setiap peserta hanya boleh berenang/menyertai dalam Kumpulan Umur yang dibenarkan dan tidak boleh menukar ke Kumpulan Umur yang lain **kecuali** dalam acara terbuka, dimana hanya peserta-peserta sekolah menengah sahaja yang layak menyertainya.
- 5.1.11 Murid-murid yang sedang menunggu keputusan-keputusan peperiksaan am Kementerian Pelajaran seperti SPM,SPVM atau STPM TIDAK LAYAK menyertai sebarang pertandingan MSSPP sehingga keputusan peperiksaan yang berkenaan dirasmikan dan pelajar-pelajar berkenaan kemudian didaftarkan sebagai pelajar SEPENUH MASA.Walau bagaimanapun,penyertaan palajar-pelajar berkenaan adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan/Undang-Undang Sukan/Permainan yang berkenaan.
- 5.1.12 Seseorang atlit yang telah digantung oleh sekolahnya,Persatuan/Badan Sukan Negeri,Persatuan/Badan Sukan Kebangsaan juga dilarang mengambil bahagian dalam pertandingan MSSPP.
- 5.1.13 Pemain / Peserta yang **BUKAN** warganegara Malaysia, termasuk pemastautin tetap hanya dibenarkan mengambil bahagian di peringkat sekolah, daerah dan negeri **sahaja**. Kejohanan peringkat MSSM HANYA untuk warganegara Malaysia.

- 5.1.14 Murid-murid yang memohon pertukaran ke sekolah lain atau ditukarkan selepas tarikh tutup penyertaan / kejohanan, adalah taggungjawab sekolah asalnya untuk memaklumkan kepada pihak pengelola berkaitan pertukaran murid tersebut dan segala yuran penyertaan dan kebajikannya akan menjadi tanggungan sekolah yang terkini.

5.2 POLO AIR

- 5.2.1 Setiap sekolah dibenarkan mendaftar **satu** pasukan yang terdiri tidak lebih daripada 13 orang pemain. termasuk 2 (dua) orang peserta dari tingkatan 6 atas, mengikut keperluan sahaja.
- 5.2.2 Pertandingan antara pasukan tidak akan dikelolakan jika terdapat hanya 2 buah sekolah sahaja.

5.3 TERJUN

- 5.3.1 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftarkan 2 (dua) orang peserta sahaja untuk setiap acara.
- 5.3.2 Hanya acara yang disertai oleh tiga (3) peserta dari tiga (3) buah sekolah dan lebih akan dijalankan oleh pihak pengelola.

6. SISTEM PERTANDINGAN:

6.1 Renang

- 6.1.1 Sila rujuk undang-undang FINA dan Peraturan AM MSSM
- 6.1.2 Susunan acara Renang, Polo Air dan Terjun hendaklah mengikut susunan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknik Akuatik MSSPP.
- 6.1.3 Semua acara Renang termasuk acara 800 M dan 1500 M Gaya Bebas Terbuka akan dijalankan dengan mengikut catatan masa akhir (TIME FINALS).
- 6.1.4 Pertandingan polo air tidak akan dikelolakan jika terdapat hanya 2 buah sekolah sahaja yang akan mengambil bahagian.
- 6.1.5 Walaupun hanya dua orang peserta untuk acara perseorangan/dua pasukan untuk acara berganti-ganti telah didaftarkan untuk mengambil bahagian bagi sesuatu acara Renang, acara itu akan dijalankan.
- 6.1.6 Sebarang penggantian tidak dibenarkan selepas tarikh tutup dalam pertandingan Renang/Polo air/Terjun.
- 6.1.7 **“One Start Rule”** akan digunakan dan dikuatkuasakan sepanjang Kejohanan

6.2 Polo Air

- 6.2.1 Dijalankan secara liga
- 6.2.2 Pengiraan mata
Menang - 2 mata
Seri - 1 mata
Kalah - 0 mata
- 6.2.3 Jika terdapat dari satu pasukan mempunyai mata yang sama, pemenang akan ditentukan seperti Berikut:
- Pasukan yang mendapat jumlah perbezaan gol yang lebih akan dikira sebagai pemenang.
 - Jika seri, pasukan yang mendapat lebih jaringan gol akan dikira sebagai pemenang.
 - Jika seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawanannya dikira sebagai pemenang.
 - Jika seri, balingan penalti akan dijalankan.
 - Jika seri, balingan penalti secara sudden death akan dijalankan.
- 6.2.4 Sistem balingan penalti
- Setiap pasukan akan mengambil 5 balingan secara berselang-seli mengikut undang-undang FINA.
 - Jika seri balingan akan diambil oleh pemain-pemain yang belum lagi melakukan balingan dan akan dijalankan secara ‘ sudden death’.
 - Pengadil akan menentukan gol yang akan digunakan untuk balingan penalti.
 - Undian akan dibuat untuk menentukan pasukan yang akan mula melakukan balingan.
 - Hanya seorang sahaja guru yang dibenarkan bertindak sebagai jurulatih dan berada di tepi kolam semasa pertandingan sedang berlangsung.

6.3 Terjun

6.3.1 SATU (1) Meter Papan Anjal

- i) Untuk perempuan 1 meter Papan Anjal pertandingan meliputi 5 terjunan iaitu setiap satunya daripada kumpulan yang berlainan tanpa mengambil kira had darjah kesukaran.
- ii) Untuk lelaki 1 meter Papan Anjal pertandingan meliputi 6 terjunan tanpa had mengambil kira had darjah kesukaran iaitu terdiri daripada 5 terjunan dan setiap satunya daripada kumpulan yang berlainan dan terjunan yang ke 6 boleh dipilih daripada sebarang kumpulan.

6.3.2 TIGA (3) Meter Papan Anjal

- i) Untuk perempuan 3 meter Papan Anjal pertandingan meliputi 5 terjunan iaitu setiap satunya daripada kumpulan yang berlainan tanpa mengambil kira had darjah kesukaran.
- ii) Untuk lelaki 3 meter Papan Anjal pertandingan meliputi 6 terjunan tanpa had mengambil kira had darjah kesukaran iaitu terdiri daripada 5 terjunan dan setiap satunya daripada kumpulan yang berlainan dan terjunan yang ke 6 boleh dipilih daripada sebarang kumpulan.

7. PENARIKAN DIRI

Sila rujuk Peraturan Am (18) MSSPP

7.1 Penarikan diri hanya dibenarkan semasa mesyuarat Pengurus Pasukan. Hanya perkara berikut sahaja boleh dilakukan:

7.1.1 Penarikan diri Tanpa penggantian.

7.2 Seseorang peserta yang **menarik diri** daripada mana-mana acara adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya pada hari itu.

8. BANTAHAN

8.1 Sebarang bantahan bertulis yang ditandatangani oleh pengurus pasukan mesti disertai dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (dua ratus) dan diserahkan kepada Jemaah Juri Rayuan tidak lewat daripada **30 minit** selepas keputusan rasmi diumumkan. Wang tersebut tidak akan dikembalikan jika bantahan itu ditolak.

9. PAKAIAN

Sila rujuk undang-undang FINA.

10. GELANGGANG/KOLAM/ ALATAN:

10.1 Sila rujuk undang-undang FINA.

11. PERSEDIAAN PESERTA / MELAPORKAN DIRI

11.1 Renang dan Terjun:

11.1.1 Tiap-tiap peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta sekurang-kurangnya **10 (sepuluh minit)** sebelum acaranya dimulakan. Jika tidak, pernyataannya dalam acara berkenaan akan dibatalkan.

11.2 Polo Air

11.2.1 Pasukan yang lewat lebih daripada sepuluh (10) minit akan dikira kalah dan pasukan lawan akan diberi kemenangan percuma dengan jaringan 5 – 0

12. JURI RAYUAN

12.1 Rujuk Peraturan Am MSSPP (Peraturan 25)

13. HADIAH

13.1 Hadiah-hadiah yang akan ditawarkan adalah seperti berikut:

BILANGAN ACARA PERSEORANGAN/ PASUKAN YANG DIDAFTARKAN	HADIAH (PINGKAT SAHAJA)
(a) DUA (2)	Pertama sahaja
(b) TIGA (3) DAN EMPAT (4)	Pertama dan Kedua sahaja
(c) LIMA (5) dan lebih	Pertama, Kedua dan Ketiga.

CATATAN: jika semasa pertandingan didapati bilangan penyertaan kurang daripada bilangan yang didaftarkan, Pemberian hadiah tidak berubah. Acara Pasukan : 5 pingkat akan diberi kepada pasukan yang berjaya

14. PENYAMPAIAN HADIAH / SIJIL

14.1 Semua pemenang hadiah hendaklah melaporkan diri kepada Pengawas Hadiah apabila upacara penyampaian hadiah diumumkan. Jika seseorang pemenang hadiah tidak melaporkan diri kerana sesuatu sebab, Pengurus Pasukan sekolah yang berkenaan hendaklah menghantar seorang pengganti untuk menerima hadiah bagi pihak peserta tersebut. Semua pemenang mesti berpakaian kemas dengan memakai kasut serta pakaian seragam atau 'track suit'.

14.2 Sijil-sijil penyertaan hanya boleh dituntut oleh guru-guru pasukan sekolah atau guru wakil sekolah

15. CARA PERTANDINGAN ACARA RENANG.

15.1 'One Start Rule' akan dikuatkuasakan sepanjang Kejohanan Renang kecuali masalah teknikal.

16. TATATERTIB.

Sila rujuk Peraturan Am (20) dan (21) MSSPP

16.1 Referi yang bertugas pada Kejohanan dan Pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang akan membatalkan sebarang penyertaan peserta yang melanggar tata tertib atau berkelakuan biadap.

16.2 Semua pegawai pasukan sekolah atau atlet pasukan tidak boleh sama sekali mengeluarkan kata-kata kasar terhadap Pengadil/pegawai yang bertugas semasa pertandingan dijalankan atau pun di luar kawasan arena semasa dan selepas pertandingan tamat. TINDAKAN TATATERTIB akan diambil terhadap mereka yang tidak patuh kepada peraturan ini.

17. KAWASAN ARENA.

17.1 Selain daripada pegawai-pegawai yang bertugas dan peserta-peserta yang bertanding pada masa yang berkenaan, tiada sesiapa pun dibenarkan memasuki kawasan arena tanpa kebenaran REFERI.

18. KEHILANGAN DAN KEMALANGAN.

18.1 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan sebarang harta-benda peserta/pegawai atau apa jua kemalangan dan kematian sepanjang pertandingan. Walaubagaimanapun, semua langkah kawalan/keselamatan akan diambil bagi mengelakkan berlakunya sesuatu yang tidak diingini.

19. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN.

Pihak Pengelola adalah diberi kuasa untuk menghalang sebarang pasukan atau atlet daripada bertanding **sekiranya guru pengawasnya tidak turut serta. Rujuk Peraturan Am (10) MSSPP.**

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am MSSPP dan Kejohanan Akuatik ini akan diputuskan oleh Juri atau Lembaga Rayuan bagi permainan masing-masing dan Jawatankuasa Pengelola Kejohanan. Keputusan adalah muktamad.

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia Pulau Pinang mempunyai kuasa untuk meninda atau menambah peraturan jika perlu dalam Peraturan-Peraturan Am ini. Segala keputusan MSSPP adalah muktamad dan semua sekolah anggota yang berkenaan akan diberitahu kelak.

**KEJOHANAN AKUATIK MSSPP 2012
SUSUNAN ATUR CARA**

HARI PERTAMA : HARI ISNIN - 13HB FEBRUARI 2012

HARI PERTAMA : 13HB FEBRUARI 2012 PAGI : 8: 30 PAGI			
NO	ACARA	JANTINA	UMUR
1	100 M FREESTYLE	BOYS	10
2	100 M FREESTYLE	GIRLS	10
3	100 M FREESTYLE	BOYS	12
4	100 M FREESTYLE	GIRLS	12
5	100 M FREESTYLE	BOYS	15
6	100 M FREESTYLE	GIRLS	15
7	100 M FREESTYLE	BOYS	18
8	100 M FREESTYLE	GIRLS	18
9	50 M BUTTERFLY	BOYS	10
10	50 M BUTTERFLY	GIRLS	10
11	50 M BUTTERFLY	BOYS	12
12	50 M BUTTERFLY	GIRLS	12
13	50 M BUTTERFLY	BOYS	15
14	50 M BUTTERFLY	GIRLS	15
15	50 M BUTTERFLY	BOYS	18
16	50 M BUTTERFLY	GIRLS	18
17	200 M BACKSTROKE	BOYS	15
18	200 M BACKSTROKE	GIRLS	15
19	200 M BACKSTROKE	BOYS	18
20	200 M BACKSTROKE	GIRLS	18
SESI PETANG : 2 : 00 PETANG			
15 L	1500 M FREESTYLE	BOYS	OPEN
21	100 M BREASTSTROKE	BOYS	10
22	100 M BREASTSTROKE	GIRLS	10
23	100 M BREASTSTROKE	BOYS	12
24	100 M BREASTSTROKE	GIRLS	12
25	100 M BREASTSTROKE	BOYS	15
26	100 M BREASTSTROKE	GIRLS	15
27	100 M BREASTSTROKE	BOYS	18
28	100 M BREASTSTROKE	GIRLS	18
29	50 M BACKSTROKE	BOYS	10
30	50 M BACKSTROKE	GIRLS	10
31	50 M BACKSTROKE	BOYS	12
32	50 M BACKSTROKE	GIRLS	12
33	50 M BACKSTROKE	BOYS	15
34	50 M BACKSTROKE	GIRLS	15
35	50 M BACKSTROKE	BOYS	18
36	50 M BACKSTROKE	GIRLS	18

KEJOHANAN AKUATIK MSSPP 2012
SUSUNAN ATUR CARA
HARI KEDUA : HARI SELASA - 14 FEBRUARI 2012

HARI KEDUA : 14 FEBRUARI 2012			
PAGI : 8: 30 PAGI			
NO	ACARA	JANTINA	UMUR
80 P	800 M FREESTYLE	GIRLS	OPEN
37	200 M INDIVIDUAL MEDLEY	BOYS	12
38	200 M INDIVIDUAL MEDLEY	GIRLS	12
39	200M INDIVIDUAL MEDLEY	BOYS	15
40	200 M INDIVIDUAL MEDLEY	GIRLS	15
41	200 M INDIVIDUAL MEDLEY	BOYS	18
42	200 M INDIVIDUAL MEDLEY	GIRLS	18
43	50 M BREASTSTROKE	BOYS	10
44	50 M BREASTSTROKE	GIRLS	10
45	50 M BREASTSTROKE	BOYS	12
46	50 M BREASTSTROKE	GIRLS	12
47	50 M BREASTSTROKE	BOYS	15
48	50 M BREASTSTROKE	GIRLS	15
49	50 M BREASTSTROKE	BOYS	18
50	50 M BREASTSTROKE	GIRLS	18
51	200 M FREESTYLE	BOYS	12
52	200 M FREESTYLE	GIRLS	12
53	200 M FREESTYLE	BOYS	15
54	200 M FREESTYLE	GIRLS	15
55	200 M FREESTYLE	BOYS	18
56	200 M FREESTYLE	GIRLS	18
RENANG SESI PETANG - 2.00 PETANG			
57	400 M INDIVIDUAL MEDLEY	BOYS	OPEN
58	400 M INDIVIDUAL MEDLEY	GIRLS	OPEN
59	100 M BUTTERFLY	BOYS	12
60	100 M BUTTERFLY	GIRLS	12
61	100 M BUTTERFLY	BOYS	15
62	100 M BUTTERFLY	GIRLS	15
63	100 M BUTTERFLY	BOYS	18
64	100 M BUTTERFLY	GIRLS	18
65	4 X 50 M FREESTYLE RELAY	BOYS	10
66	4 X 50 M FREESTYLE RELAY	GIRLS	10
67	4 X 50 M FREESTYLE RELAY	BOYS	12
68	4 X 50 M FREESTYLE RELAY	GIRLS	12
69	4 X 100 M FREESTYLE RELAY	BOYS	15
70	4 X 100 M FREESTYLE RELAY	GIRLS	15
71	4 X 100 M FREESTYLE RELAY	BOYS	18
72	4 X 100 M FREESTYLE RELAY	GIRLS	18

**KEJOHANAN AKUATIK MSSPP 2012
SUSUNAN ATUR CARA**

HARI KETIGA : HARI RABU – 15 FEBRUARI 2012

HARI KETIGA : 15 FEBRUARI 2012			
PAGI : 8:30 PAGI			
NO	ACARA	JANTINA	UMUR
73	200 M BREASTSTROKE	BOYS	15
74	200 M BREASTSTROKE	GIRLS	15
75	200 M BREASTSTROKE	BOYS	18
76	200 M BREASTSTROKE	GIRLS	18
77	50 M FREESTYLE	BOYS	10
78	50 M FREESTYLE	GIRLS	10
79	50 M FREESTYLE	BOYS	12
80	50 M FREESTYLE	GIRLS	12
81	50 M FREESTYLE	BOYS	15
82	50 M FREESTYLE	GIRLS	15
83	50 M FREESTYLE	BOYS	18
84	50 M FREESTYLE	GIRLS	18
85	100 M BACKSTROKE	BOYS	12
86	100 M BACKSTROKE	GIRLS	12
87	100 M BACKSTROKE	BOYS	15
88	100 M BACKSTROKE	GIRLS	15
89	100 M BACKSTROKE	BOYS	18
90	100 M BACKSTROKE	GIRLS	18
RENANG SESI PETANG : 2:45 PETANG			
91	400 M FREESTYLE	BOYS	OPEN
92	400 M FREESTYLE	GIRLS	OPEN
93	200 M BUTTERFLY	BOYS	15
94	200 M BUTTERFLY	GIRLS	15
95	200 M BUTTERFLY	BOYS	18
96	200 M BUTTERFLY	GIRLS	18
97	4 X 50 M MEDLEY RELAY	BOYS	10
98	4 X 50 M MEDLEY RELAY	GIRLS	10
99	4 X 50 M MEDLEY RELAY	BOYS	12
100	4 X 50 M MEDLEY RELAY	GIRLS	12
101	4 X 100 M MEDLEY RELAY	BOYS	15
102	4 X 100 M MEDLEY RELAY	GIRLS	15
103	4 X 100 M MEDLEY RELAY	BOYS	18
104	4 X 100 M MEDLEY RELAY	GIRLS	18